

KEGUNAAN MAKLUMAT PELAPORAN PRESTASI BAGI INSTITUSI ZAKAT MENURUT PERSEPSI PEMEGANG KEPENTINGAN

NOOR FADZILAH SHAFIE

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

RUHANITA MAELAH

NORIDA BASNAN

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Reformasi dalam sektor awam melalui Pengurusan Awam Baru (*New Public Management*) telah memberi penekanan kepada pengurusan berdasarkan keberhasilan yang mana prestasi dan pelaporan prestasi merupakan elemen utamanya. Sebagai salah sebuah organisasi sektor awam bukan berasaskan keuntungan, pelaporan prestasi institusi zakat dilihat sangat penting dalam melaksanakan akauntabiliti dan menjalankan peranannya sebagai pengurus dana zakat kepada pemegang kepentingan. Kajian ini memberi fokus kepada kegunaan pelaporan prestasi kepada pemegang kepentingan institusi zakat. Kaedah tinjauan digunakan di mana persepsi responden diperoleh melalui soal selidik. Responden terdiri daripada penerima, pembayar dan pentadbir zakat. Hasil kajian mendapati pentadbir zakat lebih menggunakan pelaporan prestasi untuk menjelaskan

akauntabiliti organisasi dan pembuatan keputusan, berbanding pembayar dan penerima zakat yang menggunakannya sebagai medium untuk menjelaskan akauntabiliti. Sumbangan kajian secara teoretikal adalah melalui pengembangan ilmu daripada segi kegunaan pelaporan prestasi mengikut keperluan pemegang kepentingan dalam konteks organisasi awam bukan berasaskan keuntungan iaitu institusi zakat. Secara praktikal, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak pengurusan institusi zakat, agensi awam lain dan penggubal dasar bagi meningkatkan ketelusan dan memperkasakan akauntabiliti melalui pelaporan prestasi. Limitasi kajian adalah termasuk sampel kajian yang terhad serta tumpuan kepada kegunaan item maklumat tanpa mengambil kira kualiti maklumat tersebut.

Kata kunci: Institusi zakat, pelaporan prestasi, pemegang kepentingan, akauntabiliti

USEFULNESS OF INFORMATION IN PERFORMANCE REPORTING OF ZAKAT INSTITUTIONS BASED ON PERCEPTION OF STAKEHOLDERS

ABSTRACT

Reforms in the public sector through the New Public Management (NPM) have placed emphasis on results-based management where performance and performance

reporting are its main elements. As a public sector and a non-profit organization, performance reporting of zakat institutions is seen as essential in communicating its accountability and role as zakat fund managers to all stakeholders. This study focuses

on the use of performance reports to stakeholders of zakat institutions. A survey method was employed where perceptions of respondents were obtained through questionnaires. The respondents comprised of beneficiaries, payers and administrators of zakat. Results indicate that zakat administrators used performance reporting to discharge organizational accountability and decision making, compared to zakat payers and beneficiaries who used it as a medium to discharge accountability. Theoretically, this study expands the knowledge from the aspect usefulness of performance reporting in accordance with stakeholder needs, in the context of public sector and non-profit organization. Practically, this study can be used as a guide by the management of zakat institution, other government agencies and policy makers to improve transparency and strengthen accountability through performance reporting. Limitations of the study include the limited sample and its focus on the use of information items without taking into account the information quality.

Keywords: Zakat institutions, performance reporting, stakeholders, accountability

PENGENALAN

Reformasi sektor awam melalui Pengurusan Awam Baru (*New Public Management-NPM*) telah memberi penekanan kepada pelaksanaan teknik-teknik pengurusan yang diamalkan di sektor swasta diamalkan di sektor awam. Contohnya, memperkenalkan perakaunan akruan, pengurusan berdasarkan kecekapan, berdaya saing dan responsif kepada keperluan dan kepentingan awam. Dalam aspek ini ketelusan dan akauntabiliti dilihat sebagai sebahagian agenda utama NPM (Zaharia, 2012; Groot

& Budding 2005). Melalui NPM, pengurusan berasaskan keberhasilan (*Result Based Management-RBM*) diperkenalkan. Pengurusan berasaskan keberhasilan memberi tumpuan kepada prestasi, yang mana pelaporan prestasi merupakan elemen utamanya (Saldanha, 2004; McDavid & Huse 2011).

Pelaporan prestasi dianggap sebagai sebahagian daripada tuntutan akauntabiliti awam. Dalam sektor awam, pelaporan prestasi yang dikeluarkan kepada pihak awam adalah penting dan merupakan satu cara untuk memastikan kerajaan bertanggungjawab dan telus. Pelaporan prestasi perlu dikeluarkan mengikut saluran yang bersesuaian seperti melalui laporan tahunan, laman web organisasi, kad laporan dan kenyataan akhbar serta mengikut tempoh masa yang tertentu (Grosso & Ryzin, 2011). Dengan adanya pelaporan mengenai prestasi, pihak awam akan merasa lebih yakin dan dihargai dengan mengetahui wang awam yang diamanahkan kepada sesebuah sektor awam telah diuruskan dengan baik dan sempurna (Engku Ismail et al., 2011). Sebagai salah sebuah organisasi sektor awam, pelaporan prestasi yang dikeluarkan oleh institusi zakat dilihat sangat penting dalam mengkomunikasikan peranannya kepada semua pemegang kepentingan termasuk pihak awam.

Menurut *International Federation of Accountants (IFAC, 1996)*, pelaporan prestasi merupakan komunikasi maklumat kuantitatif dan kualitatif yang digunakan untuk menilai pencapaian entiti berbanding penanda aras yang telah ditentukan. Bagi tujuan ini, pelaporan prestasi boleh dijadikan saluran utama untuk menjelaskan pencapaian dan seterusnya akauntabiliti

institusi zakat kepada semua kumpulan pemegang kepentingannya. Bersandarkan tuntutan semasa, kajian tentang pelaporan maklumat prestasi institusi zakat yang mengambil kira kehendak pemegang kepentingannya adalah diperlukan. Kajian ini bertujuan mengkaji kegunaan pelaporan prestasi kepada pemegang kepentingan institusi zakat. Kajian turut mengenalpasti perbezaan kegunaan pelaporan prestasi di antara pemegang kepentingan institusi zakat. Persoalannya, apakah keperluan pemegang kepentingannya terhadap maklumat yang perlu didedahkan dalam pelaporan prestasi institusi zakat?

SOROTAN KARYA

Peranan pelaporan prestasi organisasi awam boleh dibahagikan kepada dua iaitu; (1) alat untuk meningkatkan kebolehpayaan pengurusan organisasi kepada yang lebih berdaya saing dan baik melalui proses pembuatan keputusan dan seterusnya meningkatkan ketelusan organisasi; (2) menjelaskan akauntabiliti organisasi kepada pihak awam dan pemegang kepentingan.

Kegunaan Menjelaskan Akauntabiliti

Fungsi pelaporan prestasi dalam organisasi awam adalah untuk menjelaskan akauntabiliti organisasi. Menurut Norazlina & Abdul Rahim (2011), menjelaskan akauntabiliti bermaksud organisasi bertanggungjawab kepada orang ramai serta pemegang berkepentingan institusi, dan juga menjadi telus dalam menjalankan fungsi organisasi. Proses, institusi dan maklumat hendaklah boleh diakses oleh mereka dan maklumat yang mencukupi hendaklah diberikan kepada pihak yang berkepentingan bagi tujuan pemantauan.

Salah satu aspek akauntabiliti sektor awam adalah untuk menentukan sama ada wang awam telah dibelanjakan dengan sebaiknya dan memberikan faedah yang diingini kepada rakyat dan negara. Bagi mencapai akauntabiliti tersebut, entiti sektor awam perlu mengukur prestasi dan membuat penilaian terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti di bawah kawalan masing-masing (Engku Ismail et al., 2011). Oleh yang demikian, pengukuran dan penilaian prestasi perlu di laporkan melalui pelaporan prestasi entiti. Daripada perspektif Islam, konsep akauntabiliti boleh ditakrifkan sebagai kewajipan seseorang untuk melaksanakan tanggungjawab dengan penuh cekap, amanah, telus, jujur dan ikhlas. Tanggungjawab dan perlakuan seseorang boleh dipersoalkan bukan sahaja oleh mana-mana pemegang kepentingan tetapi juga tanggungjawab kepada Allah SWT (Syawal, 2009). Gray & Jenkins (1993) mendefinisikan akauntabiliti sebagai kewajipan individu/organisasi yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut dan menjelaskan tindakan mereka kepada individu atau organisasi yang memberi tanggungjawab. Menurut Coy, Fischar & Gordon (2001) dan Hyndman & Anderson (1995) akauntabiliti boleh dijelaskan melalui pelaporan maklumat yang menyeluruh tentang keadaan, prestasi, aktiviti dan kemajuan kepada mereka yang mempunyai kepentingan sosial, ekonomi dan politik iaitu terdiri daripada maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan.

Akauntabiliti menekankan tiga elemen penting. Pertama, pihak berkuasa atasan diberi kuasa untuk memantau dan menyelia. Kedua, satu pengukuran atau kriteria digunakan untuk menilai kepatuhan dan prestasi aktiviti yang telah dipertanggung-

dipertanggungjawabkan dan ketiga, mekanisme pelaporan maklumat yang tepat untuk meyakinkan pemegang kepentingan (Kearns, 1996). Neale & Anderson (2000) menyatakan pelaporan prestasi dapat menunaikan akauntabiliti entiti melalui empat aspek iaitu (1) memberi penjelasan; (2) memberikan maklumat; (3) mengkaji dan menyemak semula; dan (4) pemberian ganti rugi atau sekatan. Hyndman & Anderson (1995) membincangkan pelaporan prestasi yang mengandungi kedua-dua maklumat kewangan dan bukan kewangan untuk menunaikan akauntabiliti sesebuah agensi bukan berasaskan keuntungan. Melalui konsep akauntabiliti, institusi zakat merupakan organisasi atau pihak yang telah diamanahkan untuk melaporkan segala tindakan dan aktiviti yang telah diambil, dijangka akan diambil dan tidak diambil kepada pemegang kepentingan.

Kegunaan Pembuatan Keputusan

Maklumat prestasi boleh digunakan oleh pemegang kepentingan dalaman membuat keputusan. Bagi tujuan perancangan berkesan dan mengukur prestasi organisasi, pihak pentadbir organisasi perlu menggunakan maklumat prestasi untuk mengenal pasti masalah prestasi dan mencari penyelesaian, membangunkan pendekatan yang meningkatkan hasil, dan membuat keputusan-keputusan pengurusan yang penting yang lain.

Rajah 1 menunjukkan ringkasan kegunaan pelaporan prestasi untuk pembuatan keputusan kepada pemegang kepentingan dalaman iaitu pihak pentadbiran organisasi. Menurut Stöetzer & Hilgers (2011) pelaporan prestasi boleh digunakan untuk perancangan organisasi, mengawal dan memperbaiki dasar pengurusan seterusnya dapat meningkatkan kecekapan dan ke-

Rajah 1:
Pembuatan keputusan



Sumber: United States GAO (2005)

berkesan organisasi dalam mencapai objektifnya. Melalui pelaporan prestasi organisasi boleh menilai semula prestasi sebelumnya dan membuat keputusan penambahbaikan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Manakala Hammerschmid et al. (2013) menyatakan pihak pengurusan organisasi menggunakan pelaporan prestasi bagi mengenal pasti sama ada organisasi telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan, memantau prestasi kakitangan, mengenal pasti masalah dan tindakan pembetulan yang perlu dibuat terhadap prestasi organisasi. Secara keseluruhan pelaporan prestasi

boleh digunakan oleh organisasi sebagai alat meningkatkan kecekapan organisasi melalui proses pembuatan keputusan. Dalam konteks institusi zakat, pelaporan prestasi boleh digunakan untuk menilai program dan aktiviti yang telah dilakukan khasnya agihan zakat dan mencari penyelesaian terhadap masalah-masalah yang timbul bagi mencapai objektif zakat secara keseluruhan.

Jadual 1 menunjukkan ringkasan item-item yang digunakan oleh pengkaji terdahulu untuk mengukur kegunaan pelaporan prestasi.

Jadual 1:
Ringkasan kegunaan pelaporan prestasi

I. Akauntabiliti Organisasi	G1	G2	G3	G4	G5	G6	G7	G8	G9
• Menunjukkan tanggungjawab organisasi.		x						x	x
• Menjelaskan akauntabiliti organisasi.		x		x			x	x	x
• Meningkatkan komunikasi antara pemegang kepentingan dan pentadbiran organisasi.		x		x			x	x	x
• Menunjukkan aktiviti yang telah dilakukan oleh organisasi.								x	x
II. Pembuatan keputusan	G1	G2	G3	G4	G5	G6	G7	G8	G9
• Menyediakan maklumat kepada pihak pengurusan bagi membantu menguruskan organisasi.	x	x	x	x	x	x	x	x	
• Menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan/program/ aktiviti organisasi.	x	x		x	x	x	x	x	
• Membolehkan organisasi mengenalpasti masalah dan mengambil tindakan pembetulan.	x	x	x	x	x	x	x	x	
• Membuat keputusan mengenai kesinambungan dasar dan program.	x	x	x	x	x	x	x	x	
• Membangunkan atau menyemak semula dasar dan program.	x	x	x	x	x	x	x	x	
• Membangunkan strategi dan memperuntukkan sumber.	x	x		x	x	x	x	x	
• Mengiktiraf dan memberikan ganjaran prestasi.	x								
• Mengurangkan kos program-program dan perkhidmatan.	x						x	x	

Sumber: G1-United States GAO (2005); G2-Stöetzer & Hilgers (2011); G3-Reid & Adibe (1976); G4-Taylor (2011); G5- Moynihan & Pandey (2010); G6- Chen (2013);G7-McDavid & Huse (2011); G8-Grosso & Ryzin (2011); G9- Pollanen (2014)

Kerangka Kerja Kajian


Dua teori yang mendasari kajian ini ialah teori pemegang kepentingan dan teori akauntabiliti. Teori pemegang kepentingan diperkenalkan oleh Freeman (1984) yang mendefinisikan pemegang kepentingan dalam sesebuah organisasi sebagai pihak, kumpulan atau individu yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi bagi mencapai objektif organisasi. Dalam konteks institusi zakat, pemegang kepentingan adalah terdiri daripada pembayar zakat, pekerja (pihak pengurusan/lembaga pemegang amanah), masyarakat, kerajaan dan lapan golongan penerima zakat (Abu Baker Ramadan, 2011). Engku Ismail et al. (2011) mendefinisikan akauntabiliti sektor awam adalah untuk menentukan sama ada wang awam telah dibelanjakan dengan sebaik-baiknya dan memberikan faedah yang diinginkan kepada rakyat dan negara. Berdasarkan teori akauntabiliti dan teori pemegang kepentingan, model kajian telah dibentuk seperti **Rajah 2**.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan di mana persepsi responden diperoleh melalui soal selidik. Kajian melalui soal selidik adalah sesuai untuk mengumpul data mengenai persepsi kerana ia praktikal dan berkesan terutama apabila melibatkan sebilangan besar responden (Norida, 2010; Othman Talib, 2013; Sekaran, 2006). Responden mewakili pemegang kepentingan utama institusi zakat iaitu penerima, pembayar dan pentadbir zakat (Abu Baker Ramadan, 2011; Murtala Oladimeji, 2008). Kerangka persampelan yang dipilih adalah pembayar dan penerima zakat daripada institusi zakat yang didapati mempunyai laporan prestasi tahunan iaitu kawasan Wilayah Persekutuan, Selangor, Terengganu dan Perak. Jumlah populasi penerima dan pembayar zakat di empat negeri yang dipilih adalah melebihi 300,000 orang. Manakala bagi pentadbir zakat, responden terdiri daripada wakil bagi kesemua

Rajah 2:

Model kajian



14 institusi zakat di Malaysia iaitu dari bahagian kewangan, audit, pengutipan zakat dan agihan zakat.

Mengikut jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970) yang disediakan (Sekaran, 2006), sekiranya populasi melebihi 300,000, saiz sampel adalah mencukupi sebanyak 384. Jumlah sampel yang ditetapkan dalam kajian ini adalah sebanyak 1,000 responden yang terdiri daripada 384 sampel mewakili pembayar zakat, 384 responden mewakili penerima zakat dan 232 responden mewakili pentadbir zakat. Daripada jumlah ini 323 sampel dianalisis.

Pemilihan sampel dibuat secara pensampelan bertujuan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja yang dipilih sebagai responden berdasarkan pengetahuan dan tujuan kajian (Sekaran, 2006; Othman Talib, 2013). Tahap kepentingan kegunaan laporan prestasi tahunan ditentukan berdasarkan item kegunaan yang telah disenaraikan menggunakan skala Likert 5 (1=sangat tidak penting; 2=kurang penting; 3=penting, 4=sangat penting;

dan 5=amat penting). Surat pengenalan diri dan surat kebenaran menjalankan kajian daripada Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) di lampirkan bersama soal selidik berserta sampul pos laju beralamat penyelidik. Sebelum soal selidik diedarkan kepada responden, satu ujian rintis dilakukan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data kajian dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Versi 22. Data dianalisis sebanyak tiga peringkat iaitu; (1) analisis pembersihan data yang terdiri daripada analisis kebolehpercayaan dan analisis kenormalan; (2) analisis; (3) analisis inferensi.

Jadual 2 menunjukkan kadar maklum balas yang diperoleh iaitu sebanyak 386 (38.6%) soal selidik telah dikembalikan dan 323 (32.3%) dapat digunakan dalam kajian ini. Kadar maklum balas 32.3% adalah dianggap baik jika dibandingkan dengan kajian-kajian lepas (Tooley et al., 2010; Grosso & Ryzin, 2011 dan Shiela & Salman, 2014).

Jadual 2:

Kadar maklum balas

Pemegang Kepentingan	Bilangan soal selidik yang telah diedarkan	Bilangan soal selidik yang di peroleh semula	Soal selidik yang digunakan	
			Bil	%
Pembayar Zakat	384	140	131	13.1
Penerima Zakat	384	128	79	7.9
Pentadbir Zakat	232	115	113	11.3
Jumlah	1,000	383	323	32.3

ANALISIS DESKRIPTIF

Jadual 3 menunjukkan daripada 323 responden, hanya 237 (73.4%) responden sahaja yang menerima laporan prestasi tahunan. Majoriti pemegang kepentingan yang menerima laporan prestasi ialah pembayar zakat iaitu 121 (92%) berbanding 26 (33%) penerima zakat dan 90 (80%) pentadbir zakat. Sejumlah 84 (35.6%) responden memperoleh laporan prestasi tahunan daripada laman sesawang, 7 (3%) responden memperoleh daripada perpustakaan, manakala 143 (60.8%) memperoleh secara langsung daripada institusi zakat dan bakinya daripada lain-lain sumber. Hanya 157 (48.6%) penerima laporan didapati menggunakannya.

Jadual 4 menunjukkan analisis deskriptif bagi kegunaan pelaporan prestasi dari segi nilai minimum, maksimum, sisihan piawai, purata keseluruhan dan purata bagi setiap pemegang kepentingan. Pembayar zakat dan pentadbir zakat menunjukkan skor purata melebihi 4.00 terhadap kesemua item kegunaan yang berkaitan akauntabiliti. Penerima zakat menunjukkan skor purata dalam julat 3.55 hingga 4.00. Bagi pembayar zakat, skor purata yang tinggi diperoleh bagi kegunaan untuk menjelaskan akauntabiliti institusi zakat (skor purata 4.52), meningkatkan komunikasi antara pemegang kepentingan dan pentadbiran institusi zakat (skor purata 4.43) dan menunjukkan aktiviti yang telah dilakukan oleh institusi zakat (skor purata 4.40).

Jadual 3:
Kekerapan penerimaan, sumber dan kegunaan laporan prestasi

	K (n=323)		B (n=131)		T (n=79)		TD (n=113)	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Penerimaan:								
Menerima laporan	237	73.4	121	92.4	26	33	90	80
Tidak menerima laporan	86	26.6	10	7.6	53	67	23	20
Jumlah	323	100	131	100	79	100	113	100
Sumber Penerimaan:								
Laman sesawang	84	35.4	38	31.2	13	50	33	36.7
Perpustakaan	7	3	5	4	1	3.8	1	1
Secara langsung	144	60.8	77	64	11	42.4	56	62.3
Lain-lain	2	0.8	1	0.8	1	3.8	-	-
Jumlah	237	100	121	100	26	100	90	100
Penggunaan:								
Mengguna laporan	157	48.6	81	62	11	14	65	57.5
Tidak mengguna laporan	166	51.4	50	38	68	86	48	42.5
Jumlah	323	100	131	100	79	100	113	100

Nota: K= Keseluruhan, B=Pembayar Zakat, T=Penerima Zakat, TD=Pentadbir Zakat

Dapatan kajian adalah selari dengan kajian lepas di mana laporan prestasi adalah medium untuk menjelaskan akauntabiliti organisasi dan meningkatkan komunikasi organisasi dan pemegang kepentingan (Pollanen 2014; Stoetzer & Hilgers 2011 dan Chen 2013). Bagi pentadbir zakat, kegunaan pelaporan prestasi yang utama ialah menunjukkan aktiviti yang telah dilakukan oleh institusi zakat, menjelaskan akauntabiliti institusi zakat dan menunjukkan tanggungjawab institusi zakat.

Secara keseluruhan pemegang kepentingan menyatakan kegunaan utama pelaporan institusi zakat adalah untuk menjelaskan akauntabiliti organisasi dengan menunjukkan aktiviti yang telah dilakukan oleh institusi zakat, meningkatkan pemahaman tentang institusi zakat, meningkatkan komunikasi antara pemegang kepentingan dan pentadbiran institusi zakat dan menunjukkan tanggungjawab institusi zakat. Ia selari dengan kajian Stöetzer & Hilgers (2011), Taylor (2011), McDavid & Huse (2011), Grosso & Ryzin (2011) dan Pollanen (2014).

Jadual 4:
Skor purata kegunaan laporan prestasi

	Mn	Mx	S.P	B n=131	T n=79	TD n=113
Akauntabiliti:						
Menunjukkan tanggungjawab institusi zakat.	2	5	0.803	4.25	3.82	4.42
Menjelaskan akauntabiliti institusi zakat.	2	5	0.735	4.52	3.55	4.42
Meningkatkan komunikasi antara pemegang kepentingan dan pentadbiran institusi zakat.	1	5	0.772	4.43	3.91	4.27
Meningkatkan pemahaman tentang institusi zakat	3	5	0.670	4.38	3.91	4.39
Menunjukkan aktiviti yang telah dilakukan oleh institusi zakat.	3	5	0.687	4.40	4.00	4.45
Pembuatan Keputusan:						
Menyediakan maklumat kepada pihak pengurusan bagi membantu menguruskan institusi zakat.	1	5	1.149	3.64	3.64	4.41
Menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan, program dan aktiviti institusi zakat.	2	5	0.706	4.35	3.82	4.44
Membolehkan institusi zakat mengenal pasti masalah dan mengambil tindakan pembetulan.	1	5	1.238	3.28	3.73	4.33
Membuat keputusan mengenai kesinambungan dasar dan program.	1	5	1.252	3.30	3.45	4.16
Membangunkan atau menyemak semula dasar dan program.	1	5	1.265	3.27	3.91	4.06
Membangunkan strategi dan memperuntukkan sumber.	1	5	1.235	3.22	3.91	4.28
Mengiktiraf dan memberi ganjaran prestasi.	1	5	1.241	3.27	3.55	3.86
Mengurangkan kos program-program dan perkhidmatan.	1	5	1.213	3.19	3.36	3.75

Nota: Mn=minimum, Mx=maksimum, B=Pembayar Zakat, T=Penerima Zakat, TD=Pentadbir Zakat.

Jadual 4 juga menunjukkan bagi tujuan pembuatan keputusan, secara keseluruhan kegunaan untuk menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan, program dan aktiviti Institusi zakat adalah diberi keutamaan (skor putara 4.35). Pembayar dan penerima zakat juga memberikan keutamaan terhadap item yang sama, manakala penerima zakat hanya memberikan skor 3 kepada keseluruhan kegunaan pembuatan keputusan. Secara keseluruhan bagi pembayar dan penerima zakat, kegunaan pelaporan prestasi lebih merujuk kepada menjelaskan akauntabiliti manakala pemegang kepentingan pentadbir zakat, kegunaan pelaporan prestasi

merangkumi kedua-dua kegunaan iaitu menjelaskan akauntabiliti organisasi dan membuat keputusan (Reid & Adibe, 1976; Raudla, 2012; Taylor, 2011; Moynihan & Pandey, 2010; Kroll, 2013; Moynihan & Ingraham, 2004; Pollanen, 2014; Jansen, 2008).

Analisis Inferensi

Bagi tujuan melihat perbezaan yang signifikan secara keseluruhan antara pemegang kepentingan terhadap kegunaan pelaporan prestasi kepada pemegang kepentingan dan perbezaan secara berpasangan ujian analisis bukan parametrik Kruskal-Wallis dan Mann-Whitney U digunakan.

Jadual 5:
Perbezaan kegunaan laporan prestasi kepada pemegang kepentingan.

Kegunaan Laporan Prestasi	Min Pangkatan			
	B n=131	T n=79	TD n=113	Nilai P
Akauntabiliti:				
Menunjukkan tanggungjawab institusi zakat.	76.61	52.77	85.31	0.047
Menjelaskan akauntabiliti institusi zakat.	83.44	38.50	79.12	0.002*
Meningkatkan komunikasi antara pemegang kepentingan dan pentadbiran institusi zakat.	82.85	58.27	76.47	0.157
Meningkatkan pemahaman tentang institusi zakat.	79.64	54.68	81.16	0.132
Menunjukkan aktiviti yang telah dilakukan oleh institusi zakat.	77.14	59.09	83.55	0.168
Pembuatan Keputusan:				
Menyediakan maklumat kepada pihak pengurusan bagi membantu menguruskan institusi zakat.	68.45	52.41	95.70	0.000*
Menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan, program dan aktiviti institusi zakat.	77.79	48.73	84.52	0.028*
Membolehkan institusi zakat mengenal pasti masalah dan mengambil tindakan pembetulan.	62.96	69.05	99.79	0.000*
Membuat keputusan mengenai kesinambungan dasar dan program.	67.23	65.14	95.05	0.000*
Membangunkan atau menyemak semula dasar dan program.	66.57	82.95	92.83	0.001*
Membangunkan strategi dan memperuntukkan sumber.	61.85	80.00	99.32	0.000*
Mengiktiraf dan memberi ganjaran prestasi.	70.94	75.91	88.52	0.054
Mengurangkan kos program-program dan perkhidmatan.	71.70	71.27	88.35	0.061

Nota: * Terdapat perbezaan yang signifikan di mana nilai $P < 0.05$
B=Pembayar Zakat, T=Penerima Zakat, TD=Pentadbir Zakat

Analisis Kruskal-Wallis

Jadual 5 menunjukkan kegunaan pelaporan prestasi yang mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap pemegang kepentingan institusi zakat. Bagi kegunaan menjelaskan akauntabiliti hanya item menjelaskan akauntabiliti institusi zakat yang mempunyai perbezaan yang signifikan iaitu nilai $p < 0.05$ (0.002). Pembayar zakat menggunakan pelaporan prestasi sebagai medium untuk menjelaskan akauntabiliti institusi zakat berbanding penerima dan pembayar zakat di mana purata pangkatannya (83.44) lebih tinggi berbanding penerima dan pembayar zakat dan item kegunaan untuk menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan/program/aktiviti institusi zakat, purata pangkatannya yang paling tinggi adalah pentadbir zakat iaitu 84.52.

Jadual 5 juga menunjukkan bagi kategori kegunaan untuk membuat keputusan, item menyediakan maklumat kepada pihak pengurusan bagi membantu menguruskan institusi zakat, membolehkan institusi zakat mengenal pasti masalah dan mengambil tindakan pembetulan, membuat keputusan mengenai kesinambungan dasar dan program, membangunkan atau menyemak semula dasar dan program dan membangunkan strategi dan memperuntukkan sumber mempunyai perbezaan yang signifikan. Bagi semua item kegunaan yang mempunyai perbezaan signifikan ini, pentadbir zakat mempunyai purata pangkatan yang lebih tinggi berbanding penerima dan pentadbir zakat. Ini menunjukkan kegunaan pelaporan prestasi sebagai medium pembuatan keputusan adalah sangat sinonim dengan pemegang kepentingan dalaman yang merujuk kepada pentadbir zakat.

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara ketiga-tiga pemegang kepentingan

terhadap kegunaan bagi item menjelaskan akauntabiliti institusi zakat. Manakala bagi kegunaan pembuatan keputusan, perbezaan yang signifikan adalah kegunaan untuk menyediakan maklumat kepada pihak pengurusan bagi membantu menguruskan institusi zakat, menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan zakat/program/aktiviti institusi zakat, membolehkan institusi zakat mengenal pasti masalah dan mengambil tindakan pembetulan, untuk membuat keputusan mengenai kesinambungan dasar dan program, untuk membangunkan atau menyemak semula dasar dan program dan untuk membangunkan strategi dan memperuntukkan sumber. Pentadbir zakat lebih mementingkan kegunaan pelaporan prestasi sebagai medium untuk pembuatan keputusan. Secara keseluruhan, kegunaan pelaporan prestasi sebagai medium pembuatan keputusan adalah lebih sinonim kepada pemegang kepentingan dalaman iaitu pentadbir zakat. Dapatan ini selari dengan kajian lepas yang menyatakan laporan prestasi tahunan adalah medium penting untuk pemegang kepentingan dalaman dalam membuat keputusan, memantau prestasi aktiviti organisasi (Reid & Adibe, 1976 dan Van Dooren & Van De Walle, 2008).

Analisis Mann Whithney U

Analisis Mann Whithney U dilakukan untuk melihat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan pemegang kepentingan terhadap keperluan maklumat keseluruhan dan operasi dan maklumat kewangan. Ia juga dijalankan untuk melihat perbezaan signifikan antara dua kumpulan pemegang kepentingan terhadap kegunaan laporan prestasi. **Jadual 6** menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kegunaan laporan prestasi. Bagi kegunaan untuk menjelaskan akauntabiliti institusi

zakat terdapat perbezaan yang signifikan di antara pembayar dan penerima zakat dan penerima dan pentadbir zakat. Manakala bagi kegunaan menunjukkan tanggungjawab institusi zakat terdapat perbezaan yang signifikan antara penerima dan pentadbir zakat. Nilai purata pangkatan menunjukkan pembayar dan pentadbir zakat lebih menggunakan laporan prestasi untuk menjelaskan akauntabiliti institusi zakat berbanding penerima zakat.

Bagi tujuan pembuatan keputusan, item-item kegunaan untuk menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan, program dan aktiviti institusi zakat menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pembayar dan penerima zakat dan di antara penerima dan

pentadbir zakat. Bagi bandingan antara pembayar dan penerima zakat, pembayar zakat mempunyai nilai purata pangkatan yang lebih tinggi berbanding penerima zakat. Ini menunjukkan pembayar zakat lebih menggunakan pelaporan prestasi untuk menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan, program dan aktiviti institusi zakat berbanding penerima. Manakala bagi bandingan penerima dan pentadbir zakat, pentadbir zakat menunjukkan purata pangkatan yang lebih tinggi berbanding penerima zakat dan ini menggambarkan pentadbir zakat lebih menggunakan pelaporan prestasi bagi menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan, program dan aktiviti institusi zakat berbanding penerima zakat.

Jadual 6:
Perbezaan kegunaan laporan prestasi

Kegunaan Laporan Prestasi	Antara B dan T			Antara B dan TD			Antara T dan TD		
	PP		Nilai P	PP		Nilai P	PP		Nilai P
	B	T		B	TD		T	TD	
Akauntabiliti									
Menunjukkan tanggungjawab institusi zakat.	48.1	34.6	0.090	69.5	77.4	0.214	24.2	40.4	0.012*
Menjelaskan akauntabiliti institusi zakat.	49.7	23	0.001*	74.8	70.8	0.519	21.5	40.8	0.003*
Pembuatan Keputusan									
Menyediakan maklumat kepada pihak pengurusan bagi membantu menguruskan institusi zakat.	47.5	39.3	0.312	61.9	86.9	0.000*	19.1	41.3	0.001*
Menilai kecekapan dan keberkesanan bantuan, program dan aktiviti institusi zakat.	48.6	31	0.026*	70.2	76.5	0.315	23.7	40.5	0.009*
Membolehkan institusi zakat mengenal pasti masalah dan mengambil tindakan pembedulan.	45.8	51.8	0.465	58.2	91.8	0.000*	23.2	40.5	0.008*
Membuat keputusan mengenai kesinambungan dasar dan program.	46.5	46.3	0.980	61.7	87.2	0.000*	24.8	40.3	0.021*

Membangunkan atau menyemak semula dasar dan program.	45.1	56.4	0.174	62.4	86.4	0.000*	32.6	38.9	0.339
Membangunkan strategi dan memperuntukkan sumber.	44.9	57.8	0.120	57.9	92.1	0.000*	28.2	39.7	0.080
Mengiktiraf dan memberi ganjaran prestasi.	46.1	49.4	0.696	65.8	82.1	0.017*	32.5	38.9	0.347
Mengurangkan kos program-program dan perkhidmatan.	46.4	46.9	0.955	66.2	81.5	0.024*	30.4	39.3	0.186

Nota: * Terdapat perbezaan yang signifikan di mana nilai $P < 0.05$
B=Pembayar Zakat, T=Penerima Zakat, TD=Pentadbir Zakat, PP=Purata Pangkatan (Mean Rank)

Jadual 6 menunjukkan bagi kegunaan pembuatan keputusan, item-item seperti menyediakan maklumat kepada pihak pengurusan bagi membantu menguruskan institusi zakat, membolehkan institusi zakat mengenal pasti masalah dan mengambil tindakan pembetulan dan membuat keputusan mengenai kesinambungan dasar dan program, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kegunaan laporan prestasi di antara pembayar dan pentadbir zakat dan penerima dan pentadbir zakat. Nilai purata pangkatan bagi kesemua kegunaan tersebut menunjukkan pentadbir zakat mempunyai nilai yang tinggi. Ini adalah kerana kegunaan pembuatan keputusan lebih kepada pemegang kepentingan dalaman iaitu pentadbir zakat (dalam kajian ini), iaitu menyediakan maklumat kepada pihak pengurusan, mengenal pasti masalah dan tindakan pembetulan dan keputusan mengenai kesinambungan dasar berbanding pembayar dan penerima zakat.

Bagi item kegunaan untuk membangunkan atau menyemak semula dasar dan program, membangunkan strategi dan memperuntukkan sumber, mengiktiraf dan memberi ganjaran prestasi dan mengurangkan kos program-program dan perkhidmatan (kegunaan pembuatan keputusan) terdapat perbezaan yang signifikan antara pembayar dan pentadbir zakat. Nilai purata

menunjukkan pentadbir zakat lebih menggunakan laporan prestasi untuk kegunaan-kegunaan tersebut berbanding pembayar dan penerima zakat. Ini adalah kerana kegunaan-kegunaan tersebut lebih merujuk kepada kegunaan pembuatan keputusan yang merujuk kepada pemegang kepentingan dalaman. Dapatan ini selari dengan kajian lepas yang menyatakan laporan prestasi adalah medium penting untuk pemegang kepentingan dalaman dalam membuat keputusan, memantau prestasi aktiviti organisasi (Reid & Adibe, 1976; Van Dooren & Van De Walle, 2008).

KESIMPULAN

Keperluan kepada reformasi dan memperkemaskan pengurusan organisasi sektor awam oleh masyarakat menyebabkan pengurusan awam baru (NPM) diperkenalkan yang memberikan penekanan pengurusan sektor swasta diterjemahkan dalam organisasi awam (Zaharia, 2012). NPM lebih mementingkan pengurusan berdasarkan keberhasilan dan ciri utama NPM ialah ketelusan dan akauntabiliti. Melalui pengurusan berdasarkan hasil, penekanan diberikan kepada prestasi dan pelaporan prestasi merupakan elemen utamanya. Sebagai sebuah organisasi sektor awam, pelaporan prestasi adalah medium untuk menjelaskan akauntabiliti institusi zakat dan menjalankan

peranannya sebagai pengurus dana zakat, kepada pemegang kepentingan. Oleh itu, pelaporan prestasi melalui medium laporan tahunan adalah penting untuk menjelaskan akauntabiliti yang lebih besar dalam konteks NPM dan institusi zakat (Norida, 2010).

Hasil kajian ini menunjukkan pentadbir zakat lebih mengutamakan pelaporan prestasi bagi tujuan menjelaskan akauntabiliti dan bagi tujuan pembuatan keputusan. Manakala pembayar dan penerima zakat menggunakan pelaporan prestasi sebagai medium menjelaskan akauntabiliti.

Hasil kajian ini menunjukkan pentadbir zakat lebih mengutamakan pelaporan prestasi bagi tujuan menjelaskan akauntabiliti dan bagi tujuan pembuatan keputusan. Manakala pembayar dan penerima zakat menggunakan pelaporan prestasi sebagai medium menjelaskan akauntabiliti.

Penemuan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan melalui pengembangan ilmu pengetahuan daripada segi kegunaan pelaporan prestasi kepada pemegang kepentingan dalam konteks institusi zakat di Malaysia. Secara praktikal, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak institusi zakat dan agensi kerajaan lain bagi meningkatkan ketelusan dan memperkasakan akauntabiliti melalui pelaporan prestasi. Pelaporan prestasi yang mengambil kira keperluan pemegang kepentingan dilihat dapat memberikan kesan positif dalam tadbir urus dan seterusnya mampu meningkatkan keyakinan pemegang kepentingan terhadap peranan institusi zakat di Malaysia.

Di antara limitasi kajian ialah sampel kajian yang terhad kepada tiga kumpulan pemegang kepentingan daripada bahagian atau kawasan terpilih. Selain itu, analisis inferensi bukan parametrik telah digunakan disebabkan taburan data adalah tidak normal. Skop kajian terhad kepada kegunaan pelaporan prestasi. Kajian akan datang seharusnya menggunakan sampel kajian yang lebih menyeluruh meliputi semua bahagian pentadbiran zakat dan kawasan geografi yang lebih luas. Persampelan rawak dan analisis inferensi parametrik boleh digunakan bagi mendapatkan hasil yang lebih komprehensif. Skop kajian pula boleh diperluaskan dengan mengkaji kualiti maklumat dalam pelaporan prestasi institusi zakat.

RUJUKAN

- Abu Baker Ramadan, M. H. (2011). Consumer centric knowledge management in zakat institutions as strategic approach to reduce poverty, 64-66. IGI Global.
- Chen, S. (2013). Exploring the use of performance information in municipal governments-modeling from the two-stage heckman selection estimation, 139-203.
- Coy, D., Fischar, M. & Gordon, T. (2001). Public accountability: A new paradigm for college and university annual report. *Critical Perspectives on Accounting*, 12(1), 1-31.
- Engku Ismail, E. A., Mohamad Sharofi, I., Syed Soffian, S. I., Siti Zabedah, S. & Zarifah, A. (2011). *Perakaunan Sektor Awam di Malaysia*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Freeman. (1984). *Strategic Management: A Stakeholder Approach*. Boston: Pitman.
- Gray, A. & Jenkins, B. (1993). Codes of accountability in the new public sector. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*.
- Groot, T. & Budding, T. (2005). New Public Management 's current issues and future prospects.
- Grosso, A. L. & Ryzin, G. G. Van. (2011). How citizens view government performance reporting results of a national survey. *Public Performance & Management Review*, 35(2), 235–250.
- Hammerschmid, G., Walle, S. Van De. & Stimac, V. (2013). Internal and external use of performance information in public organizations: Results from an international survey. *Public Money & Management*, 1-8.
- Hyndman, N. S. & Anderson, R. (1995). The use of performance information in external reporting: An empirical study of UK executive agencies. *Financial Accountability & Management*, 11(1).
- International Federation of Accountants (IFAC). (1996). *Performance Reporting by Government Business Enterprises: The Provision of Financial and Non- Financial Performance Information in General Purpose Financial Report*. New York.
- Jansen, E. P. (2008). New public management: Perspectives on performance and the use of performance information. *Financial Accountability & Management*, 24(2), 169–192.
- Kearns, K. P. (1996). *Managing For Accountability: Preserving the Public Trust in Public and Nonprofit Organizations*. Wiley.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Kroll, A. (2013). Explaining the use of performance information by public managers: A planned-behavior approach. *The American Review of Public Administration*,.
- McDavid, J. C. & Huse, I. (2011). Legislator uses of public performance reports: Findings from a five-year study. *American Journal of Evaluation*, 33(1), 7-25.
- Moynihan, D. P. & Ingraham, P. W. (2004). Integrative Leadership in the Public Sector: A Model of Performance-Information Use. *Administration & Society*, 36(4), 427–453.
- Moynihan, D. P. & Pandey, S. K. (2010). The big question for performance management: Why do managers use performance information? *Journal of Public Administration Research and Theory*, 20(4), 849-866.

- Murtala Oladimeji, A. M. (2008). *Accounting for zakat disbursement an exploratory study of empowerment schemes in zakat institutions*. International Islamic University Malaysia.
- Neale, A. & Anderson, B. (2000). – Lessons , issues , future. *Internasional Public Management Workshop*,.
- Norazlina, A. W. & Abdul Rahim, A. R. (2011). A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(1), 43–62.
- Norida, B. (2010). *An Investigation Into The Performance Reporting Practices and Accountability of Malaysian Local Authorities*. Massey University.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penyelidikan, Penulisan Tesis dan Statistik*. UPM Press.
- Pollanen, R. M. (2014). Annual performance as accountability mechanism in local government. *Internasional Journal of Business and Public Administration*, 11(2), 105–121.
- Raudla, R. (2012). The Use of Performance Information in Budgetary Decision-Making By Legislators: Is Estonia Any Different? *Public Administration*, 90(4), 1000–1015.
- Reid, T. E. & Adibe, M. O. (1976). The Role of Performance Information In Improving The Management of Public Sector Programs.
- Saldanha, C. (2004). Promoting Results-Based Management in the Public Sectors of Developing Countries. *Governance And Regional Cooperation*, 1(4), 1–4.
- Sekaran, U. (2006). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach* hlm.4th Ed.
- Sheila Nu Nu, H. & Salman, S.A. (2014). Proposed best practices of financial information disclosure for zakat institutions: A case study of Malaysia 30, 288–294.
- Stöetzer, S. & Hilgers, D. (2011). Stakeholder performance reporting for nonprofit organizations. *International Journal of Business*, 11(2), 83–98.
- Syawal, K. (2009). Prinsip Akauntabiliti Dalam Institusi Zakat. *Seminar Zakat Kebangsaan 2009*,.
- Taylor, J. (2011). Factors influencing the use of performance information for decision making in Australian State Agencies. *Public Administration*, 89(4), 1316–1334.
- Tooley, S., Hooks, J. & Norida, B. (2010). Performance Reporting By Malaysian Local Authorities: Identifying Stakeholder Needs. *Financial Accountability & Management*, 26 (2), 103–134.
- United States Government Accountability Office (GOA). (2005). Managing for Result: Enhancing Agency Use of Performance Information for Management Decision Making. Washington D.C.
- Van Dooren, W. & Van De Walle, S. (2008). *Performance Information in The Public Sector: How It Is Used*. Palgrave Macmillan.
- Zaharia, P. (2012). Introduction of the New Public Management in the Romanian and Swiss Local Public Administration. 1(4), 70–79.

Received Date: 16th March 2016
Acceptance Date: 18th July 2016